

28 JUL 2001

Ling-Melayu

LANGKAH BARU BERTUJUAN MENGGALAKKAN PELAJAR MELAYU BELAJAR

GENTING HIGHLANDS, 28 Julai (Bernama) -- Cadangan beberapa langkah radikal, termasuk kemasukan ke universiti berdasarkan meritokrasi, akan menggalakkan pelajar Melayu di universiti awam menumpukan pada pembelajaran mereka, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Beliau berkata langkah yang dicadangkan oleh Umno itu berpunca daripada kekecewaan dan kesedihan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan pencapaian lemah akademik pelajar Melayu.

"Perdana Menteri mempunyai niat yang amat baik. Beliau mahu pelajar muda Melayu sedar kerana beliau amat sedih dengan hakikat bahawa sesetengah pelajar pergi ke universiti bukan untuk belajar tetapi menghabiskan banyak masa dengan aktiviti politik.

"Jadi, saya faham dengan kekecewaan dan kesedihan beliau," kata Dr Ling kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Perwakilan MCA Pahang di sini.

Dr Mahathir berkata semalam bahawa kerajaan, jika terpaksa, akan menghentikan atau mengurangkan kemasukan pelajar Melayu ke universiti-universiti.

"Kami akan lakukannya, dan mungkin, untuk tempoh satu tahun kita mungkin hanya membuat pengambilan berdasarkan meritokrasi," beliau dipetik sebagai berkata selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno.

Dr Mahathir juga berkata langkah seumpama itu perlu diambil kerana pelajar Melayu terlalu yakin bahawa mereka tidak memerlukan sebarang bantuan daripada kerajaan.

"Terdapat mereka yang tidak sedar bahawa bantuan telah diberikan supaya mereka boleh masuk ke universiti. Kita perlu tunjukkan (kepada mereka) apakah situasi sebenar jika tidak terdapat bantuan kerajaan," katanya.

Sementara itu, Dr Ling berkata beliau gembira kerana lebih ramai pelajar yang telah menunjukkan minat untuk belajar di Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR), milik parti itu.

Dr Ling sebelum itu merasmikan konvokesyen pertama Kolej TAR cawangan Pahang di kampusnya di Karak. Seramai 48 pelajar perintis di kampus cawangan itu, yang ditubuhkan pada 1999, menerima skrol mereka daripada Dr Ling.

Kampus cawangan itu mempunyai 794 pelajar dan jumlah itu dijangka meningkat kepada 1,500 pelajar dalam tempoh dua tahun.

Dr Ling berkata ramai daripada graduan berkenaan telah melahirkan hasrat mereka untuk melanjutkan pelajaran mereka di Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) yang bakal dibina.

"Saya sangat terharu atas minat pemuda-pemudi ini. Peristiwa-peristiwa seperti inilah yang memberi inspirasi kepada saya untuk terus meneruskan dengan pembinaan Kolej TAR, demi keperluan, demi kepentingan, generasi-generasi yang akan datang," katanya.

Menurutnya pembinaan Utar bukan sesuatu yang boleh disempurnakan oleh seorang, dua orang ataupun 100 orang tetapi pembinaannya memerlukan kerjasama daripada pelbagai sudut dan pihak.

"Parti MCA memerlukan sokongan daripada masyarakat Cina dan juga daripada kerajaan...jika kita dapat semua ini, maka kita akan berjaya," kata Dr Ling.

-- BERNAMA

YBK YBK RHM